

UMS sentiasa cari teknik baharu

► Untuk tingkatkan bidang pertanian, ternakan dan pengeluaran makanan

Oleh YUSOP TEPPU

SANDAKAN: Para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa berusaha mencari teknik dan cara baharu untuk meningkatkan bidang pertanian, penternakan dan pengeluaran makanan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata antaranya pengkaji UMS telah berjaya menghasilkan penemuan terbaru seperti nanas hasil daripada 'tissue culture' dan pembiak-bakaan ketam bakau.

"Kajian demi kajian akan terus dilakukan oleh para penyelidik bertujuan untuk menghasilkan benih ternakan dan tanaman lebih baik yang akhirnya akan memberikan manfaat kepada para petani di negeri dan negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Karnival Tani 2016 Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman disini, kelmarin.

Harun menambah terbaharu UMS menerusi anak syarikatnya, UMS Investment Holding Sdn Bhd



WAKIL Heilongjiang Academy of Science, China menyampaikan produk terbaharu dengan kerjasama UMS kepada Musa.

atau UiNVEST telah berhasil mengeluarkan produk Bawang Hitam dan Kulat Hitam dengan kerjasama Heilongjiang Academy of Science, China.

"Apa yang membanggakan, UMS merupakan universiti pertama mendapat pengiktirafan Sijil Halal Malaysia daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(Jakim) bagi kedua-dua produk ini," katanya.

Pada majlis berkenaan, beliau turut menjelaskan Karnival Tani 2016 kali ini adalah lebih istimewa kerana ia diadakan bersempena dengan sambutan usia penubuhan Fakulti Pertanian Lestari yang ke-10.

"Sepanjang tempoh ini, Fakulti Pertanian Lestari

melanjutkan pengajian keperingkat lebih tinggi iaitu sarjana dan Doktor Falsafah.

"Sebagai sebuah fakulti yang masih muda, usahasecara berterusan dilakukan oleh UMS untuk meningkatkan lagi pengambilan pelajar dan penghasilan graduan dalam bidang pertanian dengan mempergiatkan publisiti ke

seluruh negara agar lebih ramai pelajar memilih fakulti ini sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian," katanya.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi, Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Zakaria Mohd Edris, Dekan

Fakulti Pertanian Lestari UMS Dr. Wan Mohamad Wan Othman, Ahli Parlimen Libaran Datuk Juslie Ajirol, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sekong Datuk Samsudin Yahya, Adun Sukau Datuk Saddi Abdul Rahman, Presiden Majlis Perbandaran Sandakan Datuk James Wong dan pegawai kerajaan Persekutuan serta negeri.



MUSA mencuba hasil pertanian yang dijadikan produk makanan sambil diiringi oleh Harun semasa melawat gerai pameran.